



Abdul Aziz menjual ikan dengan harga yang murah di RTC Tunjong, Kota Bharu, semalam.

(Foto Hidayatidayu Razali/BH)

Bekalan ikan segar cukup, harga stabil

BH 18/12/23 mls 15

Kota Bharu: Harga ikan segar di pasaran sekitar daerah ini masih stabil dan bekalan mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini mendapati, bekalan pelbagai jenis ikan banyak dan dijual pada harga biasa antara RM8 hingga RM10 bagi sekilogram ikan selayang, kembung (RM16), selar (RM14), kerisi (RM7) dan tongkol pada harga RM10 sekilogram.

Peniaga, Abdul Aziz Hassan, 56, berkata, harga dapat dikekalkan kerana bekalan mencukupi diperoleh daripada nelayan tempatan dan pembekal.

Walaupun hujan, katanya, nelayan laut dalam masih dapat

turun ke laut untuk menangkap ikan.

"Harga ikan stabil. Saya mendapat bekalan daripada nelayan tempatan dan pembekal pada harga rendah, maka kami boleh jual murah."

"Jika bekalan kurang, harga akan meningkat dengan mendadak," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd Fikri Abdul Rahman, 28, berkata semua ikan dijual pada harga murah berbanding musim tengkujuh sebelum ini.

"Biasanya kalau musim tengkujuh nelayan tidak turun ke laut, cuma kali ini cuaca baik dan dapat ke laut."

"Harga lebih rendah mendorong orang ramai datang ke sini untuk dapatkan bekalan ikan dan bahan mentah lain," katanya.



Mohd Fikri